

TARIKH	11 / Mei / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	NASIONAL

Kuota jemaah diketahui Julai

KUALA LUMPUR- Keputusan mengenai kuota jemaah haji bakal dikurangkan atau dikekalkan, berikutan perhimpunan Bersih 3.0 yang diadakan di Makkah dan Madinah pada 26 April lalu, hanya akan hanya diketahui Julai ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kerajaan menggunakan pendekatan menunggu dan tidak mahu terlalu mendesak kerajaan Arab Saudi.

"Saya bimbang perhimpunan haram yang dilakukan di Makkah dan Madinah

lalu memberi kesan kepada pemberian kuota jemaah haji Malaysia," katanya.

Beliau juga turut bimbang perhimpunan tersebut akan membawa kepada pendekatan seperti kawalan lebih ketat oleh kerajaan Arab Saudi kepada jemaah Malaysia.

"Ini akan mendatangkan masalah (kepada jemaah haji Malaysia)," katanya.

Menurutnya, Kerajaan Arab Saudi kini sedang membuat pertimbangan sama ada mengenakan sekatan atau gantung jemaah haji dan umrah dari Malaysia berikutan insiden tersebut.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Dana Skim Biasiswa Tabung Haji yang berlangsung di Menara Tabung Haji kepada pelajar cemerlang yang terdiri daripada anak-anak petugas Tabung Haji.

Pada majlis tersebut, seramai 15 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan Sijil Penilaian Menengah (SPM) 2010 dan 2011, mendapat sumbangan dana bagi membantu mereka menyambung pelajaran ke peringkat universiti.